

Tidur Sejenak



Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang betul.

bimbang

lambat

gembira

awal

hampir

berdekatan

mengantuk

lewat

jauh

penat

sejenak

Encik Farid dalam perjalanan membawa keluarganya bercuti ke Perlis. Mereka berbual dengan _____ di dalam kereta. Mereka bertolak _____ pagi kerana perjalanan _____.

Pada pukul 12.00 tengah hari, Encik Farid berasa _____. Dia _____ kerana semalam dia pulang ke rumah _____ atas urusan kerja.

Isterinya berasa _____ lalu meminta Encik Farid berhenti di kawasan rehat dan rawat yang paling _____. Setibanya di kawasan rehat dan rawat, Encik Farid tidur _____ manakala isteri dan anak - anaknya berbual di sebuah pondok _____. Mereka berharap agar mereka tiba ke destinasi dengan selamat biarpun _____.